

Analisis Cabaran Ekonomi Ibu Tunggal B40 di Selangor Semasa Pandemik Covid-19

by Asila Nur Adlynd Mohd Shukry

Submission date: 01-Jul-2024 09:42AM (UTC+0800)

Submission ID: 2410910996

File name: ebangi09cleanversionturnitin.docx (6.36M)

Word count: 5384

Character count: 34455

Analisis Cabaran Ekonomi Ibu Tunggal B40 di Selangor Semasa Pandemik Covid-19
(*Analysis of Economic Challenges of Single Mothers B40 in Selangor During the Covid-19 Pandemic*)

Asila Nur Adlynd Mohd Shukry^{1*}, Siti Marziah Zakaria¹ & Wan Nurdiyana Wan Yusof¹

¹Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (Psitra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p115064@siswa.ukm.edu.my

Abstrak: Sebelum kemunculan wabak COVID-19, ibu tunggal B40 telah menghadapi pelbagai kesukaran dalam membesarkan anak-anak tanpa bantuan dan sokongan suami. Walau bagaimanapun, keadaan telah menjadi lebih teruk apabila pandemik COVID-19 menjejaskan kehidupan ibu tunggal B40 secara mendadak terutamanya dari segi ekonomi. Majoriti ibu tunggal B40 telah kehilangan punca pendapatan disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Satu kajian kualitatif telah dijalankan bagi meneroka cabaran ekonomi yang dialami oleh ibu tunggal B40 semasa pandemik COVID-19. Informan kajian ini telah dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan dengan menetapkan kriteri-kriteria inklusif seperti ibu tunggal yang bekerja untuk menyara keluarga, berpendapatan dalam kategori B40, mempunyai anak yang masih bersekolah dan bergelar ibu tunggal kerana bercerai atau kematian suami. Kajian ini telah menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus (FGD) sebagai kaedah pengumpulan data. Perbincangan kumpulan berfokus ini telah melibatkan 20 orang ibu tunggal B40 di Selangor yang kemudiannya telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil. Hasil perbincangan kumpulan berfokus mendapati tiga subtema cabaran ekonomi yang dialami oleh ibu tunggal B40 semasa pandemik COVID-19 iaitu penutupan perniagaan, pemotongan gaji atau elaun dan tiada simpanan kecemasan. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada kajian masa hadapan dan pihak-pihak serta agensi yang tertentu dalam menitikberatkan kesihatan mental ibu tunggal B40 semasa krisis dunia dengan mengambil kira cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh mereka.

Kata kunci: cabaran ekonomi; ibu tunggal B40; pandemik COVID-19; penutupan perniagaan; pemotongan gaji; simpanan kecemasan

Abstract

Prior to the COVID-19 pandemic, B40 single mothers had difficult time raising their children alone without the help and support from her husband. However, the situation got worse when the COVID-19 pandemic hit the lives of B40 single mothers abruptly, especially economically. The majority of B40 single mothers have lost a source of income due to the implementation of the Movement Control Order (MCO). A qualitative study has been conducted to explore the economic challenges faced by B40 single mothers during the COVID-19 pandemic. The informants of this study were selected based on purposive sampling with inclusive criteria such as working single mother, belonged to the B40 income category, had children who are still in school and became single mother due to divorce or death of husbands. The study has used the focus group discussion (FGD) as a data collection method. This focused group discussion has involved 20 B40 single mothers in Selangor who have subsequently been split into several smaller groups. The group discussions discovered three sub-themes of the economic challenges that B40 single mothers experienced during the COVID-19 pandemic which are business closure, salary cuts and no emergency savings. The findings can be used as a reference for the future research or can be used by specific organisations to evaluate the mental health of B40 single mothers during the global crisis due to the economic challenges that they faced.

Keywords: economic challenges; B40 single mother; COVID-19 pandemic; business closure; salary cuts; emergency savings

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan terhadap statistik perkahwinan di Malaysia disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Kes penceraian atau berpisah telah meningkat kepada 1.6% (2020) daripada 0.8% (2010) berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Negeri Selangor telah mencatatkan peningkatan jumlah individu yang bercerai atau berpisah pada tahun 2020 iaitu sebanyak 0.9% daripada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Rentetan itu, bilangan ibu tunggal telah meningkat hampir mencecah sejuta orang iaitu seramai 910,091 orang ibu tunggal di Malaysia telah direkodkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia berdasarkan Laporan Banci Malaysia 2020. Setelah seorang ibu dicerai atau kematian suami, mereka akan mengalami penurunan dari segi kewangan kerana mereka terpaksa bergantung kepada satu punca pendapatan sahaja untuk meneruskan kehidupan bersama anak-anak (Affandy, 2023). Ketiadaan pendapatan tambahan telah menyukarkan ibu tunggal untuk membayar makanan, pakaian, yuran sekolah, bil elektrik dan air bagi memenuhi keperluan anak-anak (Stack & Meredith, 2017). Kajian oleh Rabindrakumar (2013) terhadap ibu bapa tunggal mendapati 67% lebih cenderung untuk mengalami masalah kewangan berbanding pasangan yang berkahwin. Keadaan ini menjadi lebih teruk dengan kemunculan wabak COVID-19.

Pandemik COVID-19 telah mengakibatkan kerugian besar dari segi ekonomi dan nyawa penduduk di Malaysia sehingga memberikan kesan terhadap kesihatan mental dan kehidupan seseorang. Kebanyakan keluarga yang pernah melakukan pengasingan diri dan penyekatan interaksi sosial semasa pandemik telah mengalami peningkatan tekanan dan masalah kesihatan mental (American Psychological Association, 2020; Cameron et al., 2020; Walsh, 2020). Cabaran seperti kehilangan pekerjaan, perumahan tidak stabil, kesukaran mendapatkan makanan dan kesunyian juga telah meningkat masalah kesihatan mental semasa pandemik COVID-19 (Brown et al., 2020; Prime et al., 2020). Tekanan yang disebabkan oleh wabak ini telah memberikan kesan yang besar terutamanya kepada kesihatan, pekerjaan dan kesejahteraan wanita (Almeida et al., 2020; Power, 2020) terutamanya bagi golongan ibu tunggal yang lemah (Hertz et al., 2020). Menurut kajian yang dilakukan oleh UNICEF dan UNFPA (2020), kadar pengangguran kekal lebih tinggi dalam kalangan keluarga yang diketuai oleh wanita.

Berdasarkan kajian Jusoh dan Latada (2020), ibu tunggal di Malaysia telah menghadapi pelbagai cabaran seperti kesukaran untuk mengekalkan rasa autoriti dalam norma baharu, kehilangan sokongan sosial dan kegigihan untuk menyediakan makanan kepada keluarga semasa pandemik COVID-19. Masalah ini sudah dihadapi oleh golongan ibu tunggal sebelum krisis pandemik dan ia semakin merosot semasa pandemik terutamanya ibu tunggal yang mempunyai anak kecil di Malaysia kerana mereka merupakan keluarga termiskin di negara ini berbanding keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa (Suet Ling Pong, 1996; Intan Hashimah et al., 2015). Menurut Broussard et al. (2012), semakin teruk kesusahan ekonomi dalam kalangan ibu tunggal, semakin tinggi kemungkinan untuk mengalami kesihatan mental yang lemah. Hal ini demikian kerana, kehidupan ibu tunggal lebih mencabar dalam menguruskan semua hal keluarga secara bersendirian, termasuk pekerjaan, penjagaan anak, tugas rumah dan menjaga ahli keluarga yang lain (Hertz et al., 2020; Kallitsoglou & Topalli, 2021). Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneroka tentang cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal B40 semasa pandemik COVID-19.

Sorotan Literatur

Penyebaran wabak COVID 19 telah mencetuskan cabaran di seluruh negara termasuklah Malaysia (Jusoh & Latada 2021). Semasa penularan wabak COVID-19, kehidupan keluarga dan pekerjaan seseorang individu telah berubah secara drastik sehingga menyebabkan mereka kehilangan kehidupan harian mereka yang normal seperti sebelum pandemik COVID-19 (Li et al., 2022). Taylor et al. (2021) juga mengatakan bahawa pandemik COVID-19 ini telah memberikan cabaran dalam aspek kesihatan mental, sosial dan ekonomi kepada ramai keluarga. Walau bagaimanapun, kesan daripada krisis ini telah dialami secara tidak rata oleh penduduk yang

mempunyai status kewangan yang berbeza. Situasi ini dapat dilihat dalam kajian Walsh (2020) yang menunjukkan bahawa keluarga yang bekerja dengan gaji yang rendah dan hanya memenuhi keperluan keluarga apabila ada gaji serta kekurangan pusat penjagaan anak yang berpatutan telah menghadapi tekanan dan cabaran yang tinggi.

Selain itu, penutupan sekolah dan pusat jagaan anak ini telah menyebabkan semua tanggungjawab dalam mendidik dan menjaga anak-anak semasa waktu bekerja (siang) telah dialihkan kepada ibu bapa terutamanya golongan ibu yang terpaksa mengurangkan waktu bekerja atau terpaksa berhenti bekerja sementara waktu bagi memenuhi keperluan keluarga (Li et al., 2022). Situasi ini secara tidak langsung telah menyebabkan golongan ibu kehilangan pekerjaan semasa pandemik COVID-19. Hertz et al. (2021) juga telah melaporkan bahawa golongan ibu tunggal berisiko tinggi kehilangan pekerjaan serta bergelut mencari pekerjaan baharu dan mengekalkan ekonomi keluarga sejak awal pandemik COVID-19. Justeru, kesusahan ekonomi dan ketidakupayaan untuk menjana pendapatan bagi kelangsungan hidup keluarga merupakan antara cabaran utama bagi golongan ibu tunggal (Jusoh & Latada, 2020).

Maldonado dan Nieuwenhais (2015) juga mengatakan bahawa keluarga ibu bapa tunggal berisiko tinggi untuk berada dalam kemiskinan berbanding keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa. Kajian Kramer et al. (2016) mendapati bahawa golongan ibu tunggal memperoleh pendapatan yang lebih rendah daripada golongan bapa tunggal. Dapatan ini disokong oleh kajian Abdul Rahim dan rakannya (2021) yang mendapati bahawa ibu tunggal yang bekerja di bawah syarikat kecil berpotensi tinggi untuk kehilangan pendapatan kerana ketidakstabilan pekerjaan. Status kewangan yang tidak selamat telah dikaitkan dengan tahap tekanan keibubapaan yang tinggi dan perasaan tertekan serta terlalu cemas (Li et al. 2022).

Ibu tunggal merupakan antara golongan yang secara konsisten menghadapi kadar pengangguran yang lebih tinggi, kemiskinan, kekurangan makanan dan kebimbangan yang lebih kerap berbanding dengan keluarga yang berpasangan semasa pandemik COVID-19 (Parolin & Zee, 2022). Menurut Kim et al. (2018) ibu tunggal lebih cenderung untuk mengalami peningkatan kesukaran ekonomi dan tekanan dalam membesarkan anak-anak serta peningkatan risiko ketidakstabilan pekerjaan dan kediaman. Kesejahteraan fizikal dan mental seseorang ibu tunggal boleh dipengaruhi secara ketara oleh beban ekonomi seperti bertanggungjawab untuk mencari pendapatan serta menjaga anak-anak dalam masa yang sama. Kajian lepas telah mendapati bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga ibu bapa tunggal memberikan kesan yang lebih ketara terhadap kesihatan mental ibu tunggal (Crosier et al., 2007; Kim et al., 2010).

Tindakan ibu tunggal yang menjaga anak-anak secara bersendirian telah memberi kesan signifikan terhadap kewangan, kehidupan sosial dan kesihatan mental mereka (Stack & Meredith, 2017). Kajian lepas telah mendapati bahawa isu kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal adalah punca tekanan yang paling ketara di kalangan kumpulan rentan ini sehingga menyebabkan cabaran psikososial yang lain (Affandy, 2023). Kramer dan Picklesimer (2015) juga berpendapat bahawa ibu tunggal lebih cenderung untuk mengalami tekanan kewangan berbanding bapa tunggal. Ini kerana ibu tunggal telah dipertanggungjawabkan untuk mencari rezeki, menjaga anak-anak dan menjalankan kerja rumah dalam masa yang sama supaya kewangan keluarga terjamin (Hamid & Salleh, 2013).

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka pemahaman yang mendalam tentang pengalaman kehidupan sosial daripada perspektif individu yang telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini (Lebar, 2017). Oleh itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah fenomenologi bagi memahami pengalaman dan fenomena yang dihadapi oleh ibu tunggal B40 di Selangor. Penggunaan kaedah fenomenologi ini telah melibatkan pandangan 20 orang ibu tunggal B40 terhadap pengalaman mereka menghadapi cabaran ekonomi semasa pandemik COVID-19 berdasarkan penerangan yang dikongsikan oleh informan kajian (Creswell, 2014). Ringkasnya, kaedah ini boleh membantu pengkaji untuk memahami bagaimana pengalaman harian boleh mempengaruhi tingkah laku ibu tunggal B40 ini dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa pandemik COVID-19.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah memilih informan kajian di sekitar Selangor kerana negeri Selangor merupakan negeri yang paling tinggi jumlah ibu tunggal iaitu seramai 21,067 orang (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). Secara terperinci, daerah Petaling telah mencatat jumlah tertinggi ibu tunggal iaitu seramai 2,483 orang, manakala Hulu Langat merupakan daerah kedua yang mempunyai jumlah ibu tunggal yang tinggi iaitu seramai 2,307 orang ibu tunggal (Dewan Negeri Selangor, 2013). Justeru, pengkaji telah memilih ibu tunggal daripada kedua-dua daerah ini sebagai informan kajian yang mewakili negeri Selangor.

Sampel Kajian dan Teknik Pensampelan

Kajian ini telah memilih golongan ibu tunggal B40 di Selangor sebagai sampel kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan menetapkan kriteria inklusif seperti ibu tunggal yang bekerja untuk menyara keluarga, berpendapatan isi rumah dalam kategori B40, mempunyai anak yang masih bersekolah, dan bergelar ibu tunggal kerana bercerai hidup atau kematian suami. Penetapan kriteria inklusif dan eksklusif terhadap sampel kajian adalah bertujuan untuk memastikan sampel kajian boleh dipercayai, konsisten, seragam dan berobjektif (Garg, 2016). Bagi mencapai kriteria tersebut, pengkaji telah meminta kerjasama daripada Persatuan Ibu Tunggal Padang Jawa dan Persatuan Ibu Tunggal Bandar Baru Bangi untuk terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menemui seramai 10 orang ibu tunggal B40 daripada setiap persatuan tersebut dan menjadikan jumlah keseluruhan informan kajian seramai 20 orang ibu tunggal B40. Pengkaji telah menamatkan pencarian informan kerana dapatan kajian telah mencapai ketepuan (*saturation*) yang diperlukan. Ini kerana ketepuan data biasanya digunakan untuk menentukan saiz sampel dalam kajian kualitatif (Hennick, 2019). Pada sampel ke-20, tiada penemuan kod dan tema baru oleh pengkaji. Maka, pengkaji telah memutuskan bahawa jumlah sampel ini telah mencukupi bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Proses Pengumpulan Data

Kaedah ini telah menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus. Sebelum perbincangan ini bermula, informan kajian yang dipilih telah diminta untuk mengisi data demografi dan membaca borang persetujuan termaklum (*informed consent*) dengan teliti. Pengkaji telah mengadakan perbincangan kumpulan berfokus di dua tempat berlainan mengikut persatuan ibu tunggal masing-masing. Setiap perbincangan kumpulan berfokus ini melibatkan 10 orang ibu tunggal B40 dari setiap persatuan ibu tunggal yang kemudiannya telah dipecahkan kepada kumpulan kecil yang mempunyai lima orang ahli dalam setiap kumpulan. Pembahagian kepada kumpulan kecil ini bertujuan untuk memudahkan proses pengumpulan data serta dapat memastikan kesemua informan kajian melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan tersebut. Ini kerana sekiranya kumpulan fokus terlalu besar, sesetengah informan tidak akan berpeluang untuk berkongsi pengalaman dan pendapat mereka kerana kesuntukan masa. Kumpulan fokus yang terlalu kecil juga tidak sesuai kerana perbincangan tersebut berkemungkinan akan didominasi oleh informan yang dominan sehingga menyebabkan informan lain menjadi pasif (Stewart & Shamdasani, 2015). 12 soalan semi-berstruktur telah digunakan sebagai panduan dalam perbincangan kumpulan berfokus ini. Sesi perbincangan ini telah dijalankan selama dua jam untuk setiap kumpulan perbincangan.

Teknik Analisis Data

Data-data ini telah dianalisis secara berterusan sebaik sahaja proses pengumpulan data bermula. Data yang diperolehi telah didengar berulang kali dan ditukarkan ke dalam bentuk bertulis (transkrip verbatim). Seterusnya, data tersebut telah dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Pengkaji telah menghasilkan tema dan subtema berdasarkan analisis tersebut dan data yang tidak memberikan sebarang makna akan diabaikan. Semasa proses analisis data, pengkaji telah membiasakan diri dengan data, menghasilkan kod awal,

mencari tema, mengkaji tema dan menetapkan serta menamakan semula tema (Braun & Clarke, 2006). Pengkaji telah menggunakan petikan perbincangan bagi menterjemahkan hasil dapatan kajian. Tema-tema yang terbentuk ini kemudiannya telah disahkan kebolehpercayaan melalui *peers checked*.

Etika Penyelidikan

Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan rujukan kelulusan Etika, JEP-2021-443 pada 7 Oktober 2021. Sebelum kajian dimulakan, pengkaji telah menerangkan etika kajian kepada semua informan supaya prosedur kajian dapat berjalan lancar. Pengkaji telah memaklumkan kepada informan kajian bahawa kerahsiaan mereka dijamin kerana segala maklumat dan identity mereka tidak akan didedahkan kepada pihak luar bagi memastikan keselamatan mereka terjamin. Oleh itu, pengkaji telah melabelkan setiap informan dengan nama samaran seperti Informan 1.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Profil Latar Belakang Demografi Informan

Kajian ini telah melibatkan seramai 20 orang ibu tunggal B40 di Selangor yang terpilih melalui pensampelan bertujuan bagi mendapatkan maklumat tentang cabaran ekonomi semasa tempoh pandemik dan pascapandemik COVID-19. Semua informan kajian adalah terdiri daripada golongan ibu tunggal B40 di Selangor iaitu di daerah Hulu Langat dan Petaling. Bagi memenuhi objektif dan persoalan kajian, data-data ini telah diperolehi melalui kaedah perbincangan kumpulan berfokus (FGD). Jadual 1 menunjukkan latar belakang informan kajian ini.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat 10 orang ibu tunggal yang mewakili setiap daerah Petaling dan Hulu Langat menjadikan keseluruhan informan kajian terdiri daripada 20 orang. Semua informan kajian ini tergolong dalam golongan berpendapatan B40. Seramai 11 orang informan kajian bergelar ibu tunggal kerana bercerai manakala selebihnya adalah kerana kematian suami. Dari segi umur, purata umur informan kajian ini ialah 45 tahun di mana informan kajian ini berumur dalam lingkungan 38 tahun – 60 tahun.

Dari segi tempoh bergelar ibu tunggal, majoriti informan kajian telah menjadi ibu tunggal selama sekurang-kurangnya 10 tahun dan segelintir daripadanya lebih 10 tahun bergelar sebagai ibu tunggal. Oleh itu, purata tempoh informan kajian bergelar ibu tunggal ialah 5 tahun 2 bulan. Manakala, dari segi jumlah anak, seramai 13 orang ibu tunggal mempunyai sekurang-kurangnya lima orang anak yang masih bersekolah. Manakala seramai tujuh orang ibu tunggal mempunyai lebih daripada 5 orang anak yang masih bersekolah. Secara purata, jumlah anak informan kajian ini ialah seramai empat orang. Majoriti informan kajian ini bekerja sebagai peniaga, operator kilang, operator kilang, agen jualan dan pembersih (*cleaner*).

Semua informan telah dipilih dengan menggunakan teknik variasi maksima di mana semua informan kajian terdiri daripada latar belakang yang berbeza bagi tujuan memperolehi maklumat yang lebih tepat, terperinci serta bervariasi. Perkara ini membolehkan pengkaji mendapatkan data yang terbaik dan bermakna bagi memenuhi objektif dan menjawab semua persoalan kajian.

Cabaran Ekonomi yang Dihadapi Ibu Tunggal B40 semasa Pandemik COVID-19

Pengkaji telah menemukan sebanyak tiga subtema di bawah tema cabaran ekonomi. Subtema tersebut ialah penutupan perniagaan, pemotongan gaji/elaun dan tiada simpanan kecemasan. Pengkaji telah melampirkan semua subtema seperti yang berikut:

Penutupan Perniagaan

Salah satu cabaran hidup dari segi ekonomi ialah penutupan perniagaan semasa tempoh pandemik COVID-19. Kebanyakan syarikat, operasi perniagaan, organisasi kerajaan serta swasta telah diarahkan untuk ditutup serta merta bagi mengekang penularan wabak COVID-19 ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penutupan perniagaan ini telah menyebabkan banyak syarikat atau perniagaan menghadapi masalah kewangan seperti tidak mampu menampung kos perbelanjaan dan gaji pekerja hingga mendesak mereka untuk membuang pekerja (Abdul Aziz, 2020). Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan *Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu* terhadap 168,182 responden. Ia mendapati bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan terhadap ekonomi, pola perbelanjaan dan pekerjaan. Hasil survei menunjukkan sebanyak 35.5% responden yang bekerja sendiri dan 28.3% responden yang bekerja di bawah majikan mengalami pengurangan pendapatan semasa tempoh pandemik. Pengurangan pendapatan yang dialami adalah melebihi 90% daripada gaji mereka (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Informan kajian dalam kajian terdiri daripada pekerja yang bekerja sendiri dan bekerja di bawah syarikat. Oleh itu, kesemua informan kajian amat terkesan apabila berlakunya perubahan hidup dari pelbagai aspek khususnya aspek ekonomi. Kebanyakan informan kajian yang bekerja sendiri seperti berniaga kecil-kecilan melaporkan bahawa perniagaan mereka terpaksa ditutup sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Informan 3 dan Informan 20 menyatakan:

“Masa PKP saya tiada pekerjaan sebab kedai pun tutup lama juga, hampir 6 bulan juga.”

(Informan 3)

“Macam saya ni meniaga pisang, jadi memang tutup la masa pandemik.”

(Informan 20)

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang teruk terhadap ekonomi sehingga mengakibatkan perusahaan kecil dan sederhana tidak mempunyai sebarang keuntungan. Akibatnya, banyak perusahaan terpaksa memberhentikan atau memberi kakitangan mereka tanpa gaji sehingga mengakibatkan peningkatan pengangguran yang tinggi (Jiton & Ibrahim, 2023). *Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, Malaysia, 2020* yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan kadar pengangguran telah meningkat kepada 4.5% pada tahun 2020 melibatkan seramai 711,000 individu. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan kadar pengangguran melonjak tinggi sejak dari tahun 1993. Secara purata, pendapatan bulanan kasar isi rumah telah menurun sebanyak 10.3% manakala median menurun sebanyak 11.3% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021).

Informan 9 juga menyuarakan perkara yang sama iaitu beliau kehilangan pekerjaan semasa pandemik COVID-19 kerana perniagaannya terpaksa ditutup. Beliau juga menyatakan bahawa sepanjang pandemik COVID-19 beliau hanya duduk di rumah sahaja. Memetik kata-kata Informan 9:

“Lepas tu, serangan COVID-19 yang kedua yang teruk sangat tu, saya langsung tiada kerja, saya duduk rumah. Sekolah dah buka, tapi kantin sekolah kan tak buka.”

(Informan 9)

Jelaslah bahawa majoriti ibu tunggal B40 telah kehilangan pendapatan disebabkan oleh penutupan perniagaan semasa pandemik COVID-19. Ini kerana perniagaan-perniagaan besar serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah berhadapan dengan pelbagai isu operasi seperti pengurusan pelanggan, rantaian bekalan dan pekerja semasa pandemik (Hasan et al., 2022). Isu-isu operasi seperti ini telah menyebabkan halangan

dari segi daya maju perniagaan serta aliran tunai (Ernst & Young, 2020). Laporan tinjauan yang dilakukan oleh SME Corp. (2021) mendapati bahawa lebih daripada 70% PKS tidak beroperasi dan sekitar 60% PKS dilaporkan tidak mempunyai pendapatan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, tinjauan tersebut juga mendapati kurang daripada 40% PKS mampu bertahan selama tiga bulan dan sebanyak 19% PKS telah mengalami kerugian sebanyak RM 100,000 dan ke atas.

Pemotongan elaun atau gaji

Selain itu, situasi bagi ibu tunggal yang bekerja di bawah syarikat juga tidak jauh berbeza kerana mereka juga menghadapi isu kewangan apabila pihak syarikat mengalami masalah untuk membayar gaji semasa tempoh pandemik COVID-19. Menurut Nga et al. (2021) pandemik telah menyebabkan banyak industri dan organisasi memberhentikan pekerja serta melaksanakan cuti tidak bergaji. Perkara ini telah dilaporkan oleh Informan 11 seperti berikut:

“Company saya pula ada masalah untuk bayar gaji selama 3 bulan termasuklah bulan yang PKP. Jadi kat situ memang tertekan.”

(Informan 11)

Di samping itu, terdapat juga ibu tunggal yang menyatakan bahawa mereka amat terkesan apabila berlakunya pemotongan elaun ataupun gaji semasa tempoh pandemik COVID-19. Ini kerana mereka perlu menyara anak-anak yang masih bersekolah. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap perbelanjaan kerana pendapatan isi rumah turut terjejas walaupun jumlah tanggungan kekal tidak berubah (Mapjabil et al., 2020). Informan 13 dan Informan 16 telah menyatakan perkara tersebut seperti di bawah:

“Masa pandemik elaun kerja saya pun ada kena potong. Amat terasa la sebab anak masih belajar kan.”

(Informan 13)

“Masa tu saya sangat down sebab sale saya sangat drop. Lepas itu saya ada pula anak yang masih sekolah ... Saya pun tak tahu kenapa gaji saya terlampau sedikit.”

(Informan 16)

Tiada simpanan kecemasan

Seseorang individu boleh menyimpan wang lebih banyak sekiranya mereka mempunyai pendapatan yang tinggi, manakala bagi individu yang berpendapatan rendah, kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji, mereka hanya mampu membuat simpanan yang sedikit (Lim et al., 2021; Lee & Hanna, 2020). Jiton dan Ibrahim (2023) juga berpendapat bahawa ekonomi yang merosot akan menyebabkan kesan negatif seperti berlakunya peningkatan pengangguran disebabkan kehilangan pekerjaan sehingga mendesak mereka untuk mengeluarkan simpanan persaraan awal bagi menampung perbelanjaan semasa pandemik COVID-19.

Inisiatif pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) seperti i-Lestari dan i-Sinar yang diwujudkan oleh kerajaan dapat memberikan gambaran tentang kesusahan yang dialami oleh rakyat semasa pandemik COVID-19. Laporan yang diterbitkan oleh KWSP (2021), menunjukkan sebanyak 93.2% ahli KWSP yang membuat pengeluaran mempunyai pendapatan kurang daripada RM4,000. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pekerja berpendapatan rendah lebih memerlukan bantuan kewangan kerana mereka tidak mempunyai simpanan untuk menampung perbelanjaan sara hidup semasa pandemik COVID-19 (Hasan et al., 2022).

Majoriti informan kajian menyuarakan bahawa mereka juga menghadapi cabaran ekonomi apabila mereka tiada simpanan kecemasan. Mereka menjelaskan bahawa pendapatan mereka hanya cukup untuk makan dan pembelajaran anak-anak sahaja dan tiada pendapatan lebih untuk dijadikan sebagai simpanan kecemasan.

“Kami yang bekerja ni dah ada dah pembahagiannya. Untuk makan pun kita tarik-tarik la setiap bulan. Kadang-kadang kita boleh menyimpan, kadang-kadang tak boleh.”

(Informan 2)

“Simpanan tetap tu tiada. Walaupun sikit tapi tiada. Kita tiada simpanan yang kita tak boleh nak buat aliran tunai.”

(Informan 1)

“Saya pun tiada banyak simpanan. Saya memang tiada duit, saya hanya ada untuk cukup makan, saya ada untuk anak-anak nak belajar.”

(Informan 9)

Selain itu, ibu tunggal yang merupakan suri rumah sepenuh masa juga menghadapi cabaran yang sama setelah mereka kehilangan suami. Informan 14 menyatakan kehidupannya telah berubah selepas kematian suami kerana beliau tidak mempunyai pendapatan dan wang simpanan kerana telah terbiasa hidup bergantung kepada pendapatan suami. Memetik kata-kata Informan 14:

“Hidup saya berubah selepas suami saya meninggal semasa pandemik, jadi simpanan kita memang tiada la kan.”

(Informan 14)

Berdasarkan kepada kenyataan yang dilaporkan oleh informan kajian ini dari segi ekonomi, cabaran-cabaran seperti penutupan perniagaan dan pemotongan gaji telah menyumbang kepada masalah kewangan yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal B40 semasa tempoh pandemik COVID-19. Ini kerana, semasa pandemik COVID-19, mereka tidak mempunyai peluang untuk mencari pekerjaan atau pendapatan lain kerana berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perkara ini telah menjadi cabaran untuk golongan ibu tunggal meneruskan kehidupan semasa tempoh pandemik COVID-19.

Survei yang dilakukan oleh Institut Pemerkasaan Wanita Selangor (IWB) semasa pandemik COVID-19 terhadap 442 wanita di Selangor mendapati bahawa majoriti wanita di Selangor telah terjejas dari segi kewangan. Ramai di antara mereka telah kehilangan punca pendapatan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebanyak 25% Wanita di Selangor didapati telah kehilangan pekerjaan atas beberapa sebab seperti penamatan kontrak pekerjaan, penutupan perniagaan atau diberikan cuti tanpa gaji. Manakala sebanyak 43% telah kehilangan punca pendapatan. Jelaslah bahawa, cabaran utama yang dihadapi oleh ibu tunggal semasa pandemik COVID-10 adalah menjana pendapatan (Jusoh & Latada, 2020).

Selain itu, mereka turut menghadapi cabaran dari segi ekonomi apabila mereka tiada simpanan kecemasan untuk meneruskan kehidupan bersama anak-anak semasa pandemik. Mereka menyatakan bahawa pendapatan mereka hanya cukup untuk makan dan pembelajaran anak-anak sahaja. Situasi ini juga turut dialami oleh ibu tunggal yang merupakan suri rumah sepenuh masa kerana mereka hanya bergantung kepada pendapatan arwah suami. Ini adalah antara cabaran hidup yang dialami oleh golongan ibu tunggal B40 semasa tempoh pandemik COVID-19.

Menurut Zarina dan Anton (2012), pengumpulan aset dan simpanan merupakan salah satu cara untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan mengelakkan diri daripada lubuk kemiskinan. Oleh itu, setiap individu di negara ini perlu mengamalkan amalan menabung supaya kehidupan tidak terjejas teruk apabila menghadapi krisis seperti ini kerana mereka sudah mempunyai simpanan kecemasan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupan harian (Mapjabil et al., 2020).

Kesimpulan

Kesimpulannya, cabaran ekonomi merupakan cabaran utama yang mempengaruhi kehidupan ibu tunggal B40 semasa pandemik COVID-19. Ibu tunggal B40 dalam kajian ini telah menghadapi cabaran ekonomi seperti

penutupan perniagaan, pemotongan gaji atau elaun dan tiada simpanan kecemasan. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa ibu tunggal B40 tidak mempunyai simpanan kecemasan yang boleh digunakan semasa krisis dunia seperti pandemik COVID-19. Kewujudan COVID-19 ini telah memberikan kesedaran kepada mereka tentang kepentingan simpanan kecemasan apabila berhadapan dengan situasi sebegini. Ibu tunggal B40 telah menyatakan hasrat mereka untuk merancang kewangan dengan lebih baik serta mempunyai simpanan kecemasan pada masa hadapan ia boleh membantu mereka mengelak daripada krisis kewangan yang disebabkan oleh factor-faktor yang tidak dijangka.

Keadaan dunia yang semakin di luar jangkaan ini boleh dijadikan sebagai tiket untuk berjaga-jaga dari pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, kesihatan, keselamatan dan pendidikan. Kemungkinan kemunculan wabak baharu iaitu virus X seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberikan gambaran kepada pengkaji bahawa krisis seperti pandemik COVID-19 mungkin akan berulang sekiranya semua pihak tidak mengambil pengajaran daripada wabak COVID-19. Justeru, kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji masa hadapan untuk menghasilkan kajian yang lebih baik dan terperinci mengenai pengalaman ibu tunggal B40 apabila berhadapan dengan krisis dunia seperti pandemik COVID-19. Hasil kajian ini juga boleh membantu pihak dan agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menitikberatkan prosedur pemberian bantuan sosial kepada golongan ibu tunggal B40 supaya tiada keciciran bantuan dilaporkan.

Penghargaan: Penghargaan tertinggi kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia ke atas pembiayaan kajian ini. Kod penyelidikan adalah FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/29. Terima kasih khas kepada UKM, FSSK, Setiausaha Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) dan informan kajian yang telah memberikan sokongan dan kerjasama untuk geran penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kajian ini telah mendapat persetujuan daripada semua informan yang terlibat dalam kajian.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan telah dilaporkan.

Rujukan

- Abd Rahim, H., Zainal, N., & Sabri, M. F. (2021). Identifying the Financial Status Risk Factors for Single Mothers During the COVID-19 Pandemic. *International Journal of Economics and Management*, 15(3), 423-436.
- Abdul Aziz, A. R. (2020). Pengangguran dalam Kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11), 1-9.
- Affandy, A. H. (2023). Single mothers: Financial challenges and experiences in Brunei-Muara district. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 23(2), 83-94.
- American Psychological Association. (2020). *Stress in America 2020: A national mental health crisis*. <https://www.apa.org/news/press/releases/stress/2020/sia-mental-health-crisis.pdf>
- Broussard, C. A., Joseph, A. L., & Thompson, M. (2012). Stressors and Coping Strategies Used by Single Mothers Living in Poverty. *Journal of Women and Social Work*, 27(2), 190-204.
- Brown, S. M., Doom, J. R., Lechuga-Peña, S., Watamura, S. E., & Koppels, T. (2020). Stress and parenting during the global COVID-19 pandemic. *Child abuse & neglect*, 110(2), 1-14.
- Cameron, E. E., Joyce, K. M., Delaquis, C. P., Reynolds, K., Protudjer, J. L., & Roos, L. E. (2020). Maternal psychological distress & mental health service use during the COVID-19 pandemic. *Journal of Affective Disorders*, 276, 765-774.
- Creswell, J. W. (2014). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Sage Publications.

- 12 Crosier, T., Butterworth, P., & Rodgers, B. (2007). Mental health problems among single and partnered mothers. The role of financial hardship and social support. *Social psychiatry and psychiatric epidemiology*, 42(1), 6–13.
- Ernst & Young. (2020). COVID-19: Business impact survey. Take 5 for business, 8 (7). https://www.ey.com/en_my/take-5-business-alert/covid-19-impact-on-malaysian-businesses
- 5 arg, R. (2016). Methodology for research 1. *Indian Journal of Anesthesia*, 60, 640-645.
- Hamid, S. R. A., & Salleh, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*, 84, 1154–1159. 14
- Hasan, A., Jamalolail, F. N., Abd Rahman, A., Ahmad, F., & Amaris, I. (2022). Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Trajektori Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies*, 3(16) 206-215.
- Hennick, M. M., Kaiser, B. N., & Weber, M. B. (2019). What influences saturation? estimating sample sizes in focus group research. *Qualitative Health Research*, 29(10), 1483- 1496. 3
- Hertz, R., Mattes, J., & Shook, A. (2020). When Paid Work Invades the Family: Single Mothers in the COVID-19 Pandemic. *Journal of Family Issues*, 42(9), 2019-2045. 5
- Hashim, I. H. M., Azmawati, A. A., & Endut, N. (2015). Stress, roles and responsibilities of single mothers in Malaysia. *SHS Web of Confer* 25 *ces*, 18(3), 1–7.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia* 2020. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=493&bul_id=VTNHRkdIZkFzenBNd1Y1dmg2UULrZ189&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09
- Jabatan 18-rangkaan Malaysia. (2022). *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020*. <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/produk-banci/penerbitan/banci-2020/penemuan-utama-banci-2020>
- Jiton, C., & Ibrahim, D. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Mengenai Faktor Pengeluaran Simpanan 21 Persaraan Semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 11, 222-234.
- Jusoh, M. N., & Latada, F. (2020). The Challenges Faced by Single Mothers in Malaysia during the COVID- 19. *Jurnal al-Sirat*, 19(1): 80-87. 22
- Kallitsoglou, A., & Topalli, P.Z. (2021). Coping with homeschooling and caring for children during the UK COVID-19 lockdown: voices of working mothers. *Research Square*, 1–17. 2
- Kim, G. E., Choi, H. Y., & Kim, E. J. (2018). Impact of economic problems on depression in single mothers: 11 A comparative study with married women. *PLoS ONE*, 13(8), e0203004.
- Kim, D. S., Jeon, G. S., & Jang, S. N. (2010). Socioeconomic status, social support and self-rated health among 2 lone mothers in South Korea. *International journal of public health*, 55(6), 551–559.
- Kramer, K. Z., Myhra, L. L., Zuiker, V. S., & Bauer, J. W. (2016). Comparison of poverty and income 1 disparity of single mothers and fathers across three decades: 1990-2010. *Gender Issues*, 33(1), 22-41.
- Kramer, K., & Picklesimer, P. (2015). *Single mothers are much more likely to live in poverty than single fathers, a study finds*. <https://hdfs.illinois.edu/news/single-mothers-much-more-likely-live-poverty-single-fathers-study-finds>. 34
- 23 bar, O. (2017). *Penyelidikan kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit UPSI.
- Lee, S. T., & Hanna, S. D. (2020). Financial knowledge overconfidence and early withdrawals from retirement 6 accounts. *Financial Planning Review*, 3(2).
- Li, J., Bünning, M., Kaiser, T., & Hipp, L. (2022). Who suffered most? Parental stress and mental health 10 during the COVID-19 pandemic in Germany. *Journal of Family Research*, 34(1), 281–309.
- Lim, S. M., Tenk, T., Teoh, M., & Lee, T. H. (2021). Employees' retirement saving behaviour during the COVID-19 pandemic in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social 19 Sciences*, 11(3).
- Maldonado, L. C. & Nieuwenhuis, R. (2015). Family policies and single parent poverty in 18 OECD countries, 1978–2008. *Community, Work and Family*, 18(4), 395-415.

- Mapjabil, J. Kanyo, N., Estim, A., Hussin, R., Eranza, D. R. D., Abdul Rahim, A. H., Ab Rahman, B., Nazry, N.F., & Jetendra, M. H. (2020). Tahap Pengetahuan dan Ketersediaan Komuniti Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kesan Penularan Pandemik COVID-19 di Kampung Kasuapan, Pulau Gaya, Sabah. *International Journal of Modern Trends in Business Research*, 3(14), 33-51.
- Nga, J. L., Ramlan, W. K., & Naim, S. (2021). COVID-19 pandemic and its relation to the unemployment situation in Malaysia: A case study from Sabah. *Cosmopolitan Civil Societies: An Interdisciplinary Journal*, 13(2).
- Parolin, Z., & Lee, E. K. (2022). Economic Precarity among Single Parents in the United States during the COVID-19 Pandemic. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science*, 702(1), 206-223.
- Prime, H., Wade, M. & Browne, D. T. (2020). Risk and resilience in family well-being during the COVID-19 pandemic. *American Psychologist*, 75(5), 631–643.
- Rabindrakumar, S. (2013). *Paying the Price: Single Parents in the Age of Austerity*. Gingerbread.
- IE Corp. (2021). *Laporan Tinjauan PKS 19/20*. <https://www.smecorp.gov.my/index.php/my/component/content/article/191-laporantahunan/4323-sme-insights-2019-20>
- Stack, R. J., & Meredith, A. (2017). The impact of financial hardship on single parents: An exploration of the journey from social distress to seeking help. *Journal of Family and Economic Issues*, 39(2), 233–242.
- Stewart, D.W., & Sandasani, P.N. (2015). *Focus groups: theory and practice*. Sage Publications.
- Suet-Ling Pong. (1996). School participation of children from single-mother families in Malaysia. *Comparative Education Review*, 40, 231–249.
- Taylor, Z. E., Bailey, K., Herrera, F., Nair, N., & Adams, A. (2022). Strengths of the heart: Stressors, gratitude, mental health in single mothers during the COVID-19 pandemic. *Journal of family psychology: JFP: journal of the Division of Family Psychology of the American Psychological Association (Division 43)*, 36(3), 346–357.
- Walsh, F. (2020). Loss and resilience in the time of COVID-19: Meaning making, hope, and transcendence. *Family Process*, 59(3), 898–911.
- Zarina, M. N., & Kamil, A. A. (2012). Sustaining the Livelihood of Single Mothers through Wealth Creation and Savings Opportunities: A Long Road Ahead. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 126–131.

Analisis Cabaran Ekonomi Ibu Tunggal B40 di Selangor Semasa Pandemik Covid-19

ORIGINALITY REPORT

20%

SIMILARITY INDEX

%

INTERNET SOURCES

20%

PUBLICATIONS

0%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

- 1 Azizie Hilman Affandy. "Single mothers: financial challenges and experiences in Brunei-Muara district", *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 2023
Publication 2%
- 2 Charles P. Chen, Jessica Edwards. "The role of career counselling in improving the psychological and economic wellbeing of single mothers", *Current Psychology*, 2022
Publication 2%
- 3 Angela M. Dionisi, Chelsie J. Smith, Kathryne E. Dupré. "Weathering the storm alone or together: Examining the impact of COVID-19 on sole and partnered working mothers", *Journal of Community Psychology*, 2022
Publication 1%
- 4 Siti Marziah Zakaria, Norehan Abdullah, Noremy Md. Akhir, Aizan Sofia Amin et al. "Perceptions of Quality of Life during the Pandemic: A Case Study on B40 Single 1%

Mothers", International Journal of
Environmental Research and Public Health,
2022

Publication

5

Jasmi Abu Talib, Zakaria Mohamad, Nurul
Atiqah Ab Raji, Jumadil Saputra et al. "chapter
20 Investigating the Effect of Coping
Strategies and Resilience Towards Stress
Among Single Mothers in Terengganu,
Malaysia", IGI Global, 2023

Publication

1 %

6

Markus Vogelbacher, Thorsten Schneider.
"Parental Stress and Working Situation During
the COVID-19 Shutdown - Effects on
Children's Skill Development", Advances in
Life Course Research, 2024

Publication

1 %

7

Selene Valero-Moreno, Laura Lacomba-Trejo,
Alicia Tamarit, Marián Pérez-Marín,
Inmaculada Montoya-Castilla. "Psycho-
emotional adjustment in parents of
adolescents: A cross-sectional and
longitudinal analysis of the impact of the
COVID pandemic", Journal of Pediatric
Nursing, 2021

Publication

1 %

8

Ezhar Tamam, Moniza Waheed. "Intercultural
Communication Study in Malaysia", Wiley,

1 %

2017

Publication

9

Meltem Ucal, Simge Günay. "Is precarity a fate for women in Türkiye? Rethinking energy poverty from a gender perspective", Eurasian Economic Review, 2023

Publication

1 %

10

Muhammad Aizat Zainal Alam, Yong Chen Chen, Norma Mansor. "Mental Accounting and Savings Behavior: Evidence From Machine Learning Method", Journal of Financial Counseling and Planning, 2023

Publication

1 %

11

Philip Baiden, Mark A. Morgan, Matthew W. Logan. "Sports- and Physical Activity-Related Concussions, Binge Drinking and Marijuana Use among Adolescents: The Mediating Role of Depression and Suicidal Ideation", Substance Use & Misuse, 2021

Publication

1 %

12

"Life Challenges and Mental Health Issues of Single Mothers: A Systematic Examination", International Journal of Recent Technology and Engineering, 2019

Publication

1 %

13

Zakaria Mohamad, Zuhda Husain, Jasmi Abu Talib, Raba'Aton Adawiah Mohd Yusof et al. "THE EFFECTIVENESS OF ART THERAPY

1 %

MODULE ON THE WELL-BEING OF SINGLE MOTHERS", Humanities & Social Sciences Reviews, 2019

Publication

14

M F Rashid, N S Yusoff, K H Kamarudin. "The Impact of Covid-19 Pandemic towards the Resilience of Small Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia", IOP Conference Series: Earth and Environmental Science, 2022

Publication

1 %

15

Phill Wilcox, Jonathan Rigg, Minh T.N. Nguyen. "Rural Life in Late Socialism", Brill, 2023

Publication

<1 %

16

Florentina Scârnelci-Domnişoru. "From Sample to Population Generalization in Qualitative Research", Qeios Ltd, 2024

Publication

<1 %

17

Mei Tang, Meredith L. T. Montgomery, Brittany Collins, Kalesha Jenkins. "Integrating Career and Mental Health Counseling: Necessity and Strategies", Journal of Employment Counseling, 2021

Publication

<1 %

18

"Advances in Geoinformatics Technologies", Springer Science and Business Media LLC, 2024

Publication

<1 %

19

"Lone Parenthood in the Life Course",
Springer Science and Business Media LLC,
2018

Publication

<1 %

20

Gabriela Gniewosz. "A mother's perspective:
perceived stress and parental self-efficacy
during the COVID-19 pandemic", European
Journal of Developmental Psychology, 2022

Publication

<1 %

21

Mary Rose Jean Andrada-Poa, Ronaldo F.
Jabal, Jerome V. Cleofas. "Single mothering
during the COVID-19 pandemic: a remote
photovoice project among Filipino single
mothers working from home", Community,
Work & Family, 2021

Publication

<1 %

22

Timothy J. Haney, Kristen Barber. "The
extreme gendering of COVID-19: Household
tasks and division of labour satisfaction
during the pandemic", Canadian Review of
Sociology/Revue canadienne de sociologie,
2022

Publication

<1 %

23

Muhammad Aizat bin Zainal Alam, Yong Chen
Chen, Norma Mansor. "Predicting savings
adequacy using machine learning: A
behavioural economics approach", Expert
Systems with Applications, 2022

<1 %

24

Sergey Kolchin, Nadezda Glubokova, Mikhail Gordienko, Galina Semenova, Milyausha Khalilova. "Financial Risk Management of the Russian Economy during the COVID-19 Pandemic", *Risks*, 2023

Publication

<1 %

25

Chitdrakantan Subramaniam, Syuhaida Ismail, Wan Nurul Mardiah Wan Mohd Rani, Amir Mahdiyar. "Improving Project Communications Management Practices in the Construction Sector during the COVID-19 Pandemic: A Malaysian Scenario", *Buildings*, 2022

Publication

<1 %

26

Khor Waiho, Hanafiah Fazhan, Sairatul Dahlianis Ishak, Nor Azman Kasan, Hon Jung Liew, Mohd Husin Norainy, Mhd Ikhwanuddin. "Potential impacts of COVID-19 on the aquaculture sector of Malaysia and its coping strategies", *Aquaculture Reports*, 2020

Publication

<1 %

27

DeRose, Laurie F., Gloria Huarcaya, Andrés Salazar-Arango, Marcos Agurto, Paúl Corcuera, Marga Gonzalvo-Cirac, and Claudia Tarud. "Children's Living Arrangements and On-time Progression Through School in Latin

<1 %

America and the Caribbean", Journal of Family and Economic Issues, 2016.

Publication

28

Nurin Athilah Masron, Zaini Zainol, Suhaiza Ismail. "Impact of the COVID-19 pandemic on small and medium-sized enterprise (SME) government suppliers involved in government green procurement (GGP)", Journal of Economic and Administrative Sciences, 2024

Publication

<1 %

29

"EMOTION REGULATION STRATEGY USE OF YOUNG ADULTS AND THEIR CAREGIVERS: A QUALITATIVE INQUIRY", Nesne Psikoloji Dergisi, 2022

Publication

<1 %

30

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Sivapalan Selvadurai. "Managing Political Behavior of University Students", Mediterranean Journal of Social Sciences, 2015

Publication

<1 %

31

Walton Wider, Muhammad Ashraf Fauzi, Su Wan Gan, Chin Choo Yap, Mohd Wafiy Akmal Bin Ahmad Khadri, Siti Sarah Maidin. "A bibliometric analysis of emerging adulthood in the context of higher education institutions: A psychological perspectives", Heliyon, 2023

Publication

<1 %

32

Emma Millard, Lauren Hounsell, Jane Fernandes, Manjit Jakku, Krystal Boast, Olivia Church, Stefan Priebe, Catherine Carr. "How do you know what you want? Service user views on decision aids for the arts therapies", *The Arts in Psychotherapy*, 2021

Publication

<1 %

33

Rosmadi Fauzi, Mariney Mohd Yusoff, Abd Rahman Roslan, Siti Nadira Ahmad Rozlan et al. "Measuring the Struggle of Small-Scale Businesses in the COVID-19 Environment", *Sustainability*, 2023

Publication

<1 %

34

Abdul Rasid Abdul Razzaq, Nor Haniza Mohamad, Syed Shikh Syed A.Kader, Mohamad Zaid Mustafad et al. "Developing Human Capital for Rural Community Tourism: Using Experiential Learning Approach", *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2013

Publication

<1 %

35

Dóra Öri. "On exposing strategic and structural mismatches between business and information systems: misalignment symptom detection based on enterprise architecture model analysis", *Corvinus University of Budapest*, 2017

Publication

<1 %

36

"Aksjonsforskning i Norge :", Cappelen Damm AS

Publication

<1 %

37

Joshua M. Gold. "Siege Mentality in the 2020 Pandemic: Building Family Resilience", The Family Journal, 2020

Publication

<1 %

38

Nassim Mrabti, Nadia Hamani, Laurent Delahoche. "Vers un modèle de simulation de la mutualisation logistique 4.0", Logistique & Management, 2019

Publication

<1 %

39

Rosanna Hertz, Jane Mattes, Alexandria Shook. "When Paid Work Invades the Family: Single Mothers in the COVID-19 Pandemic", Journal of Family Issues, 2020

Publication

<1 %

40

Bee-Sim Chua, Li-Herng Song, Chee-Tao Chang, Xin-Jie Lim, Jeyaseelan Nachiappan. "Drive-through transcutaneous bilirubin screening for neonatal jaundice: A safe and efficient system during the -19 pandemic ", Journal of Paediatrics and Child Health, 2020

Publication

<1 %

41

Milla Salin, Mia Hakovirta, Anniina Kaittila, Johanna Raivio. "Single earners and carers during lockdown: everyday challenges faced by Finnish single mothers during the COVID-

<1 %

19 pandemic", International Journal of Sociology and Social Policy, 2023

Publication

42

Carolina Toscano, Patrícia Lopes, Cláudia Ramos, Joana Baptista. "Emotional and Behavioral Health among Portuguese Toddlers during the COVID-19 Crisis: The Impact of Social Isolation and Caregiving Distress", Child Indicators Research, 2022

Publication

<1 %

Exclude quotes Off

Exclude matches Off

Exclude bibliography Off